



Staran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 3 (60) 07/05

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PERAYAAN KEPADA PESAKIT PUSAT DIALISIS YAYASAN VETERAN ATM

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan kepada Pesakit Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM (YVATM) bertempat di Bukit Sentosa, Bukit Beruntung, Selangor.

Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan merupakan acara tahunan yang diadakan pada setiap tahun bagi member sokongan moral dan bersama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua pesakit yang sedang menerima rawatan haemodialisis di Pusat Dialisis yang dikendalikan oleh Yayasan Veteran ATM (YVATM). Ianya juga sebagai satu tanggungjawab sosial (CSR) kepada pesakit- pesakit yang menerima rawatan dialisis di Pusat-Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM bagi persediaan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Dalam majlis tersebut, sumbangan sebanyak RM300.00 dan cenderahati diberikan kepada seorang bagi mereka yang telah menerima rawatan melebihi 6 bulan manakala sebanyak RM150.00 kepada pesakit yang menerima rawatan kurang daripada 6 bulan di Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM. Seramai 35 orang telah menerima sumbangan tersebut yang terdiri daripada 11 orang Veteran ATM dan yang selebihnya adalah daripada Pesara JPA dan Badan Berkanun.

Selain itu, Yayasan Veteran ATM melalui anak syarikatnya iaitu Syarikat Perubatan D'Veet Sdn Bhd telah membuka tiga buah pusat dialysis bertempat di Seri Kembangan, Batu Caves dan Bukit Sentosa. Pusat dialysis ini dibuka untuk Veteran ATM dan tanggungan yang layak serta terbuka juga kepada orang awam yang ingin mendapatkan rawatan dialisis yang mendapat tajaan seperti JPA, PERKESO, PUSAT ZAKAT adalah dialu-alukan.

Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi menjamin kepuasan dan keselesaan pesakit yang mendapatkan rawatan seperti berikut:

1. Mesin dialisis yang terdapat di pusat dialysis ini adalah antara yang termoden dan terkini di pasaran.
2. Kakitangan klinikal yang berpengalaman dalam memberikan rawatan dialisis.
3. Waktu rawatan yang fleksibel iaitu 3 sesi – pagi, petang dan malam.

Pusat dialisis Bukit Sentosa ini merupakan yang terbaharu dan ditubuhkan pada bulan April tahun lepas selain daripada dua buah pusat dialisis yang telah ditubuhkan sebelum ini iaitu:

- a. Pusat dialisis Seri Kembangan ditubuhkan pada tahun 2006.
- b. Pusat dialisis Batu Caves ditubuhkan pada 2008.

Terdapat 70 orang pesakit buah pinggang yang telah memohon untuk mendapatkan rawatan di pusat dialisis Bukit Sentosa ini, selain daripada 35 orang yang sedang menerima rawatan. Berdasarkan kepada maklumat ini, pembukaan pusat ini adalah amat wajar kerana ramai di kalangan penduduk setempat dan veteran ATM yang memerlukan rawatan dialisis.

Untuk makluman, pada tahun 2018 pihak JHEV juga telah membelanjakan sebanyak RM49,245,569.54 juta kepada 5,717 orang veteran ATM yang terdiri daripada 3943 veteran berpencen dan 1774 tidak berpencen. Ini tidak termasuk perbelanjaan perubatan yang lain dan secara keseluruhannya, pihak JHEV telah membelanjakan sebanyak RM110,256,117,97 juta bagi tujuan perubatan pada tahun lepas.

- Tamat -

Kementerian Pertahanan Malaysia
31 Mei 2019

